

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SPU311 - Ideologi-Ideologi Dunia Ketiga

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

- 1) Istilah 'Dunia Pertama' dan 'Dunia Ketiga' sepertimana juga dengan istilah 'negara-negara membangun' dan 'negara-negara sedang membangun' membawa implikasi tertentu. Nilaiikan istilah-istilah ini secara kritis.  
(100 markah)
  
- 2) Penguasaan dan pengaruh ideologi Demokrasi-Kapitalis terhadap sistem politik dan ekonomi antarabangsa pada keseluruhannya menguntungkan negara-negara Selatan. Bincangkan.  
(100 markah)
  
- 3) Beberapa negara-negara Selatan telah memeluk demokrasi sebagai ideologi mereka dalam dasawarsa lapan puluhan dan sembilan puluhan. Berdasarkan pengalaman dua atau tiga buah negara Selatan yang anda mengetahui, apakah kekuatan dan kelemahan yang ada pada ideologi demokrasi dalam konteks Selatan?  
(100 markah)

...2/-

- 4) Konsep dan amalan hak asasi manusia di kalangan negara-negara Selatan sudah pasti berbeza daripada apa yang difahamkan sebagai hak asasi manusia di negara-negara Utara. Apakah kenyataan ini benar?  
(100 markah)
- 5) Di beberapa negara-negara Selatan, Islam dikemukakan sebagai falsafah alternatif yang menjamin keadilan sosial. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi pejuang-pejuang Islam yang ingin menegakkan keadilan sosial melalui Islam?  
(100 markah)
- 6) Dunia sedang menuju ke arah 'pertempuran ideologi' dalam kurun 21. Apakah faktor-faktor yang menyokong dan menyangkal pendapat ini?  
(100 markah)

- oo oOo oo -